

Pemerihalan Naratif Riwayat Hidup Mustafa III (1775-1774)

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 96-105
 © The Author(s) 2025
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 26 Jun 2025
 Accepted: 16 July 2025
 Published: 4 August 2025

[An Analytical Narrative of the Life History of Mustafa III (1757-1774)]

Muhamad Hasanuddin Mohd Hatta¹, Ezad Azraai Jamsari¹, Anwar Muttaqin^{1,2},
 Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari¹, Ermy Azziaty Rozali^{1,2},
 Ahmad Shukri Johara¹, Muhammad Zharif Baharudin¹ & Adibah Sulaiman³

- 1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: ezad@ukm.edu.my; anwar86@ukm.edu.my; mozaha@ukm.edu.my; ermy@ukm.edu.my
- 2 Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: anwar86@ukm.edu.my
- 3 Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: adibah@usim.edu.my

*Corresponding Author: ezad@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan naratif sejarah kehidupan dan pemerintahan Mustafa III (1757-1774), pemerintah ke-26 Kerajaan Uthmaniyyah, yang menonjol dalam era peralihan antara kestabilan dan ancaman geopolitik dari kuasa asing serta pemberontakan dalaman. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan kelemahan struktur pentadbiran dan cabaran luar seperti Perang Uthmaniyyah-Rusia (1768-1774) serta pemberontakan Ali Bey di Mesir yang mencerminkan ketegangan dalam sistem kekuasaan wilayah Arab Uthmaniyyah. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis aspek kehidupan peribadi Mustafa III, dasar pentadbiran, projek pembangunan dan pembaharuan ekonomi, serta cabaran pemerintahannya yang menyumbang kepada perubahan landskap politik Uthmaniyyah pada abad ke-18M. Penulisan ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan menumpukan kepada sumber-sumber sekunder yang diambil daripada karya ilmiah sejarah Uthmaniyyah yang meyakinkan. Bagi analisis data pula, pendekatan deskriptif digunakan melalui kaedah kritikan dalaman dan kritikan luaran. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa Mustafa III ialah tokoh pemerintah yang berwawasan, memperkenalkan pembaharuan pentadbiran dan ekonomi Uthmaniyyah serta memberi sumbangan besar dari aspek pembangunan seni bina Uthmaniyyah abad ke-18M. Namun, isu kelemahan sistem birokrasi ketenteraan dan tekanan luar telah menyekat pelaksanaan reformasi tadbir urus berkesan yang menyeluruh. Penulisan ini turut menekankan peranan Koca Ragıp Pasha sebagai pendukung utama dalam pentadbiran yang berpengaruh pada awal pemerintahan Uthmaniyyah era Mustafa III. Kajian ini mencadangkan supaya penyelidikan lanjutan dilakukan terhadap kesinambungan gagasan pembaharuan Mustafa III dalam era pemerintahan Selim III, serta perbandingan antara pendekatan Mustafa III dengan sultan-sultan terdahulu dan selepasnya dalam menangani pelbagai cabaran tadbir urus institusi Uthmaniyyah menjelang abad ke-19M.

Kata kunci: Mustafa III, Kerajaan Uthmaniyyah, Sejarah Ketenteraan, Sejarah Tadbir Urus, Perang Uthmaniyyah-Rusia, Ali Bey, Koca Ragıp Pasha

Abstract

This study examines the historical narrative of the life and reign of Mustafa III (1757-1774), the 26th ruler of the Ottomans, who stood out during a transitional era marked by the tension between internal stability and growing geopolitical threats from foreign powers as well as domestic uprisings. The study is grounded in the critical issue of structural weaknesses in the administrative system and

external challenges, such as the Ottoman-Russian War (1768-1774) and the rebellion of Ali Bey in Egypt, both of which underscore the strains within the Ottoman Arab provincial order. The primary objective of this research is to analyse Mustafa III's personal life, administrative policies, developmental projects, economic reforms, and the challenges of his reign, all of which contributed to the transformation of the Ottoman political landscape in the 18th century. This paper employs the documentary method for data collection, drawing upon reliable secondary sources from established works in Ottoman historiography. For data analysis, a descriptive approach is applied, incorporating both internal and external source criticism. The findings of this study argue that Mustafa III was a visionary ruler who introduced significant administrative and economic reforms and contributed substantially to the architectural development of the 18th-century Ottoman Kingdom. However, the inefficiencies of the military-bureaucratic system and mounting external pressures hindered the effective and comprehensive implementation of governance reforms. This study also highlights the pivotal role of Koca Ragıp Pasha as a key figure in the early administration of Mustafa III's reign. The study recommends further research into the continuity of Mustafa III's reformist vision during the reign of Selim III, including a comparative analysis of Mustafa III's governance strategies with those of preceding and succeeding sultans in addressing the institutional challenges faced by the Ottoman state on the eve of the 19th century.

Keywords: Mustafa III, Ottoman Empire, military history, governance history, Ottoman-Russian War, Ali Bey, Koca Ragıp Pasha



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Muhamad Hasanuddin Mohd Hatta, Ezad Azraai Jamsari, Anwar Muttaqin, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Ermy Azziaty Rozali, Ahmad Shukri Johara, Muhammad Zharif Baharudin & Adibah Sulaiman. (2025). *Pemerintahan naratif riwayat hidup Mustafa III (1775-1774) [An analytical narrative of the life history of Mustafa III (1757-1774)]*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences 8(3): 96-105.

Pengenalan

Penulisan ini membahaskan berkenaan Mustafa III yang merupakan pemerintah Kerajaan Uthmaniyyah yang ke-26. Baginda mula menaiki takhta pada tahun 1757 sehingga 1774 selepas kematian bapa saudaranya, Osman III yang merupakan seorang pemerintah yang tiada pewaris dan pengganti. Lantaran daripada itu, penulisan ini mengupas berkenaan riwayat hidup Mustafa III secara holistik bermula pada tahun 1757 sehingga 1774. Mustafa III merupakan putera kepada Ahmed III yang menggantikan Osman III. Pada awal pemerintahannya, Kerajaan Uthmaniyyah dikatakan berada dalam keadaan aman kerana pada ketika itu kerajaan-kerajaan Eropah terlibat dalam *Seven Years War* atau Peperangan Tujuh Tahun yang berlangsung sekitar tahun 1756 hingga tahun 1763. Namun demikian, keamanan tersebut tidak kekal lama. Pada tahun 1768, peperangan di antara Kerajaan Uthmaniyyah dengan Rusia meletus dengan Rusia ketika itu diketuai oleh pemerintah yang baharu, iaitu Catherine II *The Great* (1762-1797) (Haris 2020).

Sejajar dengan itu, penulisan ini membincangkan perihal sumbangan Musatafa III dalam pemerintahannya, termasuk dari sudut seni bina Uthmaniyyah. Misalnya, pada tahun

1757, Masjid Ayazma mula dibina dan siap sepenuhnya pada tahun 1760, manakala pada tahun 1760 pula, Mustafa III membina sebuah masjid bernama Masjid Laleli. Masjid ini merupakan satu daripada bangunan yang terdapat dalam *Laleli Külliyesi* (Kompleks Laleli). Pada tahun 1766, Kerajaan Uthmaniyyah dikejutkan dengan kejadian gempa bumi yang dahsyat yang mengakibatkan keruntuhan berlaku dan beberapa tempat yang terjejas terutama di Istanbul. Pernulisan ini turut menyetuh berkenaan cabaran Mustafa III dalam mentadbir Kerajaan Uthmaniyyah, iaitu baginda perlu berhadapan dengan satu pemberontakan yang dikenali sebagai Pemberontakan Ali Bey yang melibatkan wilayah yang diperintahnya, iaitu wilayah Mesir.

Naratif Kehidupan Pemerintahan Ayahanda-Anakanda

Mustafa III

Mustafa III dilahirkan pada 28 Januari 1717 di Edirne, Istanbul, merupakan anak kepada Ahmed III dan Mihrisah Emine Sultan. Mustafa III menaiki takhta pada tahun 1757 ketika umurnya berusia 40 tahun (Gulen 2010). Baginda mentadbir Kerajaan Uthmaniyyah selama 16 tahun, dua bulan dan 22 hari (*Osmanlı Padişahları* 2013). Selepas usaha penggulingan terhadap pemerintahan Ahmed III pada tahun 1730 oleh Patrona Halil, keluarga ini telah dikurung di dalam istana Topkapı. Mustafa III menjalani kehidupan pendidikan yang teratur dan sistematik serta baginda dibesarkan sebagai orang yang cerdas, terpelajar, rajin dan baik hati. Baginda juga merupakan seorang penulis surat dan penyair (*Osmanlı Padişahları* 2013).

Mustafa III merupakan seorang ayah yang mempunyai ramai zuriat, baginda mempunyai lapan orang anak perempuan dan dua anak lelaki, malah seorang daripadanya ialah seorang reformis pemerintahan Uthmaniyyah yang hebat, iaitu Selim III. Pemerintahan Mustafa III dikenang berikutan Perang Uthmaniyyah-Rusia yang meletus pada tahun 1768 hingga tahun 1774 yang berakhir dengan Perjanjian *Küçük Kaynarca* pada tahun 1774. Pemerintahannya juga turut mengalami empat gempa berturut-turut yang berlaku antara Mei 1766 dan Januari 1767, yang mengakibatkan Istanbul dalam keadaan runtuh (Agoston & Masters 2009). *Osmanlı Padişahları* (2013) menyatakan Mustafa III merupakan seorang pemerintah yang adil, rajin dan juga berjiwa patriotik. Baginda seorang yang berjiwa besar dan mencintai rakyatnya. Mustafa III meninggal dunia pada tanggal 21 Januari 1774 akibat daripada sakit jantung, dan baginda dimakamkan di kota Istanbul, iaitu di tempat pemakaman di bawah namanya berdekatan dengan Masjid Laleli (Gulen 2010).

Selim III

Mustafa III mempunyai dua orang anak lelaki, iaitu Selim III dan Şehzade Mehmed. Selim III dilahirkan pada 24 Desember 1761 di Istanbul. Kerajaan Uthmaniyyah menghasilkan semula pewaris selepas ketiadaan pewaris sejak 1725. Oleh yang demikian, kelahiran Selim III menjadi kesempatan untuk mengadakan majlis untuk meraikannya secara besar-besaran. Sejak berumur 13 tahun, Selim III hidup tanpa ayahnya. Selim III mendapat pendidikan yang mengagumkan kerana bapa saudaranya, Abdülhamid I mengizinkan untuk membesarkan dalam persekitaran

yang penuh dengan pembaharuan budaya Barat. Selim III sangat peka dengan berita dunia dan mempunyai pemikiran yang inovatif. Kebangkitannya menguasai takhta pada usia muda namun matang, bertentangan dengan amalan para pendahulunya, akan tetapi kelak membawa perubahan pasang surut dalam tadbir urus Kerajaan Uthmaniyyah (Gulen 2010).

Yunus (2014) dalam penulisannya berjudul, “Pembaharuan Ketenteraan Uthmaniyyah Pada Era Pemerintahan Sultan Selim III (1789-1807M)” menyatakan Selim III seorang yang bijkasana dalam istana Kerajaan Uthmaniyyah. Mustafa III sangat yakin untuk memberi sepenuh kepercayaan kepada puteranya yang bakal menjadi seorang pemerintah berjaya pada suatu hari nanti. Tambahan pula, sejak kecil lagi Selim III didedahkan oleh ayahnya berkenaan usaha pembaharuan sistem ketenteraan Uthmaniyyah yang merujuk kepada idea pembaharuan Barat. Pada tanggal 7 April 1789, Selim III mula menaiki takhta selepas kemangkatan bapa saudaranya, Abdülhamid I. Selim III ketika itu hanya berusia 28 tahun. Selim III terkenal sebagai orang pertama yang melakukan pembaharuan dalam ketenteraan Uthmaniyyah. Selim III memperkenalkan model tentera gaya barat yang baru yang dikenali sebagai *Nizam-i Cedid* atau *The New Order*. Selim III mangkat pada tanggal 28 Julai 1808 selepas dibunuh semasa rusuhan yang dikenali sebagai insiden Alemdar Mustafa Pasha (*Osmanlı Padişahları* 2013). Selim III dimakamkan di Kompleks Pemakaman Mustafa III berdekatan dengan Masjid Laleli.

Sejarah Pemerintahan Mustafa III

Pentadbiran Mustafa III

Mustafa III mula memerintah Kerajaan Uthmaniyyah pada 30 Oktober 1757. Semasa pemerintahan Mustafa III, baginda menyerahkan kuasa pemerintahan negara kepada Koca Ragıp Pasha yang merupakan *grand vizier* pada ketika itu (Özkan 2018). Para sarjana mengatakan Mustafa III sangat beruntung kerana mendapat khidmat Ragıp Pasha memandangkan pada tahun pertama pemerintahannya penuh dengan keamanan dan keharmonian (*Osmanlı Padişahları* 2013). Dalam tempoh pemerintahan tersebut, Koca Ragıp Pasha berusaha untuk melakukan diplomasi yang bersesuaian demi memastikan Kerajaan Uthmaniyyah tidak menyertai mana-mana peperangan pada ketika itu yang juga sedang berlangsung *Seven Years War* atau Peperangan Tujuh Tahun melibatkan kuasa-kuasa Eropah. Usaha ini secara tidak langsung berjaya mengelakkan kuasa-kuasa Eropah daripada menyerang wilayah pemerintahan Uthmaniyyah (Gulen 2010).

Selanjutnya, Mustafa III memulakan langkah dengan melaksanakan pembaharuan dalam sistem pentadbirannya. Perkara pertama yang menjadi perhatian adalah memperbaharui hal-hal berkaitan kewangan. Baginda juga melakukan pengawalan terhadap pungutan cukai dan mengikuti dasar penyimpanan harta terutama perbelanjaan dalam istana kerajaan. Mustafa III mengambil prakarsa agar pengurusan wakaf dari istana Agha dan diserahkan kepada Koca Ragıp Pasha bagi membina kuari kebersihan demi mencegah wabak penyakit. Baginda juga melakukan tranformasi lain seperti membina sebuah perpustakaan yang besar di kota Istanbul. Selain itu juga, Mustafa III berniat untuk membuka terusan di Anatolia yang terletak Sungai Sakarya, iaitu dari sebuah tasik yang terletak di antara Sakarya dan Iznik. Tujuannya adalah untuk memudahkan pengangkutan gandum dan makanan. Walau bagaimanapun, Mustafa III

meninggal dunia sebelum dapat menjalankan idea yang baik ini (Arslan 2011). Menurut Gulen (2010), dalam bukunya bertajuk, *The Ottoman Sultans: Mighty Guests of the Throne*, beliau menjelaskan setelah 30 tahun berdamai dengan pihak Rusia berdasarkan Perjanjian Damai Belgrade pada tahun 1739, Rusia kini berhasrat dan bercita-cita untuk mengheret Kerajaan Uthmaniyyah dalam peperangan dan akhirnya tercetusnya peperangan di antara kedua-dua kerajaan ini pada tahun 1768 hingga tahun 1774.

Koca Ragıp Pasha

Koca Ragıp Pasha dilahirkan pada tahun 1699 dan meninggal pada tahun 1763. Beliau merupakan seorang yang sangat sinonim pada watak dalam pemerintahan Uthmaniyyah abad ke-18M. Beliau merupakan seorang ahli politik dan ahli pemikir yang hebat ketika itu dan memainkan peranan penting dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah. Beliau terkenal dengan sifat bersungguh-sungguh dan juga sangat berhati-hati dalam pelaksanaan sesuatu perkara. Beliau mempunyai bakat dalam hubungan diplomatik. Sebagai contoh, Koca Ragıp Pasha berjaya mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan Iran dan juga Rusia. Bukan itu sahaja, isu dalaman seperti birokrasi dalaman Kerajaan Uthmaniyyah juga beliau mampu menanganinya (Arslanbenzer 2017). Arslanbenzer (2017) turut menyatakan Koca Ragıp Pasha dibesarkan dalam keluarga yang berpendidikan. Ayahnya, Sevki Mehmed Efendi merupakan seorang pegawai Jabatan Tanah dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Sekiranya dianggap ekonomi Uthmaniyyah dibangun di atas tanah dan pertanian, Koca Ragıp Pasha dilahirkan lebih dekat dengan pemerintah berbanding orang awam yang lain. Oleh sebab itu, beliau telah menghabiskan 64 tahun hidupnya dalam pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah.

Koca Ragıp Pasha mula menjadi *grand vizier* pada tahun 1757 sewaktu pemerintahan Mustafa III. Beliau hanya menjadi *grand vizier* selama empat tahun sahaja, iaitu bermula pada tahun 1757 sehingga tahun 1763. Menurut Agoston dan Masters (2009) dalam karyanya, *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, mereka menyatakan Koca Ragıp Pasha mengikuti dasar pemerintah yang memikirkan tentang keamanan dan kestabilan tadbir urus Uthmaniyyah dengan tidak mencampuri urusan dalam *Seven Years War* yang berlaku pada tahun 1756 sehingga 1763. Beliau juga menandatangani perjanjian persahabatan dengan kerajaan Prusia pada tahun 1761. Sementara itu, Kocić (2015) dalam artikelnya berjudul, *The Problem of 'Albanian Nationalism' during the Reign of Koca Mehmed Ragib Pasha (1757-1763) in the Light of the Venetian Report* menyatakan Koca Ragıp Pasha mula mendapat jawatan sebagai *grand vizier* beberapa bulan sebelum kematian Osman III. Pengganti Osman III, Mustafa III hanya mengesahkan keadaan dan keputusan yang sudah diputuskan. Koca Ragıp Pasha dikatakan mempunyai hubungan baik yang terjalin antara Mustafa III dengannya semasa Mustafa III masih remaja yang ditahan di istana.

Ekonomi Uthmaniyyah

Semasa pemerintahan Mustafa III, ekonomi Uthmaniyyah pada ketika itu berada dalam keadaan baik. Kenaikan takhta dan tuntutan ekonomi mendorong Mustafa III untuk melancarkan pembangunan projek masjid besar yang menyatukan kuasanya di kota Istanbul

dan membuat pelaburan ekonomi yang diperlukan oleh peningkatan jumlah perdagangan. Mustafa III meneruskan projek *imperial sultan mosque* yang dimulakan semula dengan Masjid Nuruosmaniye yang dibina pada zaman pemerintahan Mahmud I (1730-1754) dan siap sepenuhnya pembinaannya pada zaman pemerintahan Osman III (1754-1757). Mustafa III juga membina Masjid Ayazma di Üsküdar (1757-1760) dan Kompleks Laleli (1760-1764) di daerah Laleli. Kedua-dua projek pembinaan pada tahun-tahun pertama pemerintahannya serta kerja-kerja pembaikan dan pembinaan semula seperti Masjid Fatih, yang dijalankan selepas gempa bumi 1766 atau dikenali sebagai *zelzele-i azîme* merupakan tambahan yang mengubah siluet kota Istanbul (Yaşar 2018).

Menurut rekod wakaf Laleli Mustafa III bertarikh 13 Mac 1764 yang projek tambahan telah dilampirkan pada tahun 1773, Mustafa III menugaskan pembinaan tiga *khan* di bahagian berlainan di Istanbul. Dua *khan* pertama merujuk kepada *Büyük Yeni Han* dan *Küçük Yeni Han* yang dibina di atas Tanjakan *Çakmakçılar*. Pembinaan kedua-dua *khan* ini telah siap pada penghujung tahun 1763. Daripada keduanya, *Küçük Yeni Han* dibina dalam bentuk struktur tiga tingkat di atas tanah 1790 *zira'-i terbi'* atau kira-kira 1028 m². Struktur ini ialah *khan* komersial bersaiz sederhana yang mempunyai 14 bilik, tandas dan bilik berkubah di setiap tingkat dengan jumlah 42 bilik, dengan enam kedai tambahan di *Çakmakçılar Ramp*. Ia mungkin telah siap dibina menjelang akhir tahun 1763, dan *gediks* untuk bilik *khan* mula diberikan pada Disember 1763. *Khan* ketiga yang dibina oleh Mustafa III ialah *Taş Han* yang dibina di kawasan Pelabuhan Istanbul, di luar *Bahçekapı*. *Khan* tersebut dibina di luar *Bahçekapı* di atas tanah seluas 970 *zira'-i terbi'* atau kira-kira 557 m² dalam bentuk struktur dua tingkat dengan 15 bilik dan dua bilik kecil di tingkat atas, enam bilik berkubah, bilik di tingkat bawah, 11 kedai dan kedai roti *francala* yang membuka ke jalan utama (Yaşar 2018).

Di antara ketiga-tiga *khan* yang termasuk dalam wakaf Mustafa III, *Büyük Yeni Han*, baik dari segi skala dan sifat seni bina berbanding *khan* Istanbul yang lain mempunyai identiti tersendiri. *Khan* ini terletak agak dekat dengan *Kapalıçarşı*, menaiki Tanjakan *Çakmakçılar* di seberang jalan dari Valide Han dan bersebelahan dengan *Küçük Yeni Han*. Tanjakan *Çakmakçılar* dan wilayah *Mercan* terutama selepas pembinaan *Büyük Valide Han* pada pertengahan abad ke-17M memasuki tempoh transformasi komersial yang rancak. *Sünbüllü Han*, *Büyük Yeni Han*, *Küçük Yeni Han* dan banyak lagi *khan* berskala kecil telah dibina di sepanjang tanjakan terutama semasa abad ke-18M, yang meningkatkan potensi komersial kawasan ini melalui penumpuan khususnya *sarrâf* dan pedagang lain yang berurusan dengan logam berharga *Büyük Yeni Han* jelas merupakan bangunan komersial yang paling berpusat dan menarik di daerah ini yang meluas antara *Mahmudpaşa* dan *Uzun Çarşı* (Yaşar 2018).

Sumbangan Seni Bina Mustafa III

Mustafa III merupakan seorang yang berjiwa rakyat, beragama dan seorang pemerintah berjiwa patriotik. Semasa berlakunya gempa bumi yang dahsyat di Istanbul pada tahun 1760, Mustafa III memainkan peranan penting dalam membaik pulih semula bangunan yang terkesan daripada gempa bumi tersebut seperti masjid, madrasah dan juga air pancut (*Osmanlı Padişahları* 2013). Mustafa III juga menaja pembinaan beberapa buah masjid, antaranya ialah seperti Masjid Mihrisah yang juga dikenali sebagai Masjid Ayazma di Üsküdar. Pembangunan masjid ini telah

mengingatkan kenangannya bersama ibunya, Mihrisah Emine Sultan dan juga abangnya, Süleyman yang meninggal dunia ketika Mustafa III masih remaja. Selain itu, Mustafa III turut membina Kompleks Masjid Laleli untuk menghormati Laleli Baba, seorang syekh atau wali yang amat dihormati dan disegani oleh pihak pemerintah. Kedua-dua pemerintah dan wali dikebumikan di halaman Masjid Laleli (Gulen 2010).

Pembinaan Masjid Ayazma

Masjid Ayazma dibina pada tahun 1757 dan diasaskan pembangunannya oleh Mustafa III. Masjid ini terletak di daerah Üsküdar, iaitu di bahagian Anatolia berhadapan Selat Bosphorus. Masjid ini juga menjadi pusat tumpuan dalam Kompleks Sosial Ayazma. Kompleks ini turut mengandungi beberapa struktur lain seperti rumah pemerintah, sekolah rendah, tempat mandi, takungan air dan pusat penugasan waktu (Yakartepe & Gokarslan 2014). Menurut Unver (2013) dalam penulisannya yang berjudul, *Architecture for a New Age: Imperial Ottoman Mosques in Eighteenth-Century Istanbul*, beliau menerangkan Masjid Ayazma mula dibina pada tahun 1757 dan dibuka pada tahun 1760. Meskipun Mustafa III tidak mendapat gelaran *ghazi*, namun baginda tidak meletakkan namanya pada masjid tersebut. Masjid ini didedikasikan untuk ibunya, Mihrimah, dan abangnya, Süleyman, yang kedua-duanya telah meninggal ketika baginda masih remaja.

Pembinaan Masjid Laleli

Masjid Laleli merupakan sebuah masjid yang terletak dalam Kompleks Laleli yang dirancang dan dibina pada zaman pemerintahan Mustafa III. Perkataan *Lale* merupakan perkataan yang berasal dari bahasa Turki yang memberi maksud tulip, lantas Masjid Laleli ini turut dikenali sebagai Masjid Tulip (Freely 2011). Nama Laleli dirujuk kepada sebuah daerah yang terdapat seorang syekh tempatan bernama, Laleli Baba. Masjid ini mula dibina pada tahun 1760 dan siap sepenuhnya pada tahun 1764 (Unver 2013). Masjid ini merupakan masjid terakhir dibina di Istanbul yang mengikut gaya seni bina *baroque* seperti Masjid Nuruosmaniye (Ceren 2014) yang dibina 10 tahun sebelum pada itu. Masjid ini telah direka oleh seorang arkitek tempatan bernama Mehmet Tahir Ağa. Masjid Laleli ini terletak di kawasan kota yang sesak. Oleh yang demikian, terdapat beberapa struktur terpaksa dibeli dan dimusnahkan untuk membuat sebuah kompleks (Unver 2013). Dalam Kompleks Laleli, bukan sahaja terdapat masjid di dalamnya, malah terdapat juga bangunan dan infrastruktur yang lain seperti madrasah, *imaret* (dapur-sup), makam, ruang untuk penjaga waktu masjid serta perumahan untuk imam dan bilal.

Pemulihan Istanbul Tahun 1766

Tahun 1766 merupakan tahun yang sangat tragis bagi pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah pada zaman pemerintahan Mustafa III. Hal ini kerana gempa bumi yang berlaku pada 22 Mei 1766 di Istanbul menyebabkan kerosakan dan kemushanan ketara yang berlaku ketika itu. Di Istanbul, kawasan ini mempunyai populasi kira-kira sebanyak 600,000 penduduk dan 4,000 hingga 5,000 daripadanya terkorban (Ersan 2015). Gulen (2010) mencatatkan Mustafa III

menyamar semasa berada di sekitar ibu kota untuk baginda mendengar idea dan keinginan rakyatnya. Bukan itu sahaja, baginda juga berusaha untuk melakukan yang terbaik demi memenuhi keperluan mereka. Baginda menggerakkan semua sumber daya kerajaan untuk membangun kembali kota dan sekitarnya ketika gempa besar menggegarkan Istanbul pada hari terakhir Hari Raya Aidil Adha pada 22 Mei 1766. Lantaran daripada itu, Mustafa III memerintahkan untuk membelanja jumlah kewangan yang sangat besar dalam projek pemulihan ini, melebihi 22,000 beg duit syiling emas. Gempa tersebut mengakibatkan kerosakan besar seperti di Masjid Fatih, Masjid Eyup Sultan, *Kapalı Çarşı*, tembok kota dan *Kız Kulesi* (Menara Maiden). Ersan (2015) dalam makalahnya yang bertajuk, *A Comparative of the Results of Two Earthquakes: Istanbul and Lisbon Earthquake in 18th Century* menjelaskan selepas berlaku gempa bumi di Istanbul pada tahun 1766, Kerajaan Uthmaniyyah berusaha membaik pulih monumen-monumen yang rosak kesan daripada gempa bumi tersebut. Penduduk Istanbul juga telah membina semula rumah mereka yang mengalami kemusnahan dengan segera bersama perincian yang serupa.

Cabaran Pemerintahan dan Pemberontakan Ali Bey

Secara umumnya, Kerajaan Uthmaniyyah tidak pernah benar-benar memusatkan pemerintahan mereka di kawasan Arab yang sudah dikuasai. Ketika Selim I menghancurkan kekuasaan Kerajaan Mamluk di wilayah Mesir-Syria, baginda tidak menghapuskan sepenuhnya kerajaan tersebut. Mereka dan kelompok bangsa Arab yang berkuasa, dibiarkan berkuasa. Di sekeliling mereka juga ditempatkan birokrasi pengawasan ketenteraan Uthmaniyyah sungguhpun tidak ketara. Sementara itu, gabenor tempatan dipilih oleh Mustafa III dan cukai tempatan dibayar kepada kuasa pusat Kerajaan Uthmaniyyah, ini bermakna Mustafa III diiktiraf sebagai pemerintah berdaulat. Ketika peperangan berlaku, wilayah Arab perlu menyediakan angkatan tentera untuk bantuan kepada pihak tentera pusat, selagi mana Kerajaan Uthmaniyyah masih kuat, wilayah Syria dan Mesir tetap taat setia kepada Mustafa III.

Menurut Persen (1955) dalam artikel beliau yang berjudul, *The Russian Occupations of Beirut, 1772-74*, beliau menegaskan pada abad ke-18M, kekuasaan Kerajaan Uthmaniyyah mula merosot. Perkara ini dilihat apabila pengunduran tentera Uthmaniyyah di sempadan utara sebelum berperang dengan pihak Austria dan Rusia. Sejak awal lagi, kuasa Eropah mula menunjukkan kemajuannya di bahagian utara dan pemberontakan berlaku di kawasan di bahagian selatan seakan-akan berkait rapat pada tahap tertentu. Pada tahun 1768, perkara ini dilihat semakin jelas dan nyata. Pemberontakan ini bermula pada tahun 1768 apabila Ali Bey mengisytiharkan kemerdekaan terhadap wilayah Mesir daripada Kerajaan Uthmaniyyah. Ali Bey sangat berkuasa di Mesir ketika itu. Beliau mengambil kesempatan terhadap peperangan Rusia-Turki (1768-1774) bagi merealisasikan perkara tersebut. Persen (1955) menerangkan pada tahun 1768, Ali Bey menyatakan pengisytiharan kemerdekaan terhadap wilayah Mesir. Beliau berhenti membayar pajak kepada Kerajaan Uthmaniyyah. Bukan itu sahaja, Ali Bey turut menamatkan kedaulatan Mustafa III dengan memerintahkan nama Mustafa III dipadamkan dalam khutbah Jumaat dan membuat syiling menggunakan namanya sendiri.

Joudah (2013) menerusi penulisan berjudul, *Revolt in Palestine in the Eighteenth Century: The Era of Shaykh Zahir al-Umar* menjelaskan beberapa sumber menunjukkan pihak

Rusia telah menghasut Ali Bey untuk memberontak terhadap Mustafa III. Terdapat juga sumber lain menyatakan Ali Bey telah memberitahu Catherine II, Permaisuri Rusia berkenaan niatnya dan meminta sokongan ketenteraan sebagai balasan kerana membenarkan orang Rusia menduduki wilayah Arab. Walau bagaimanapun, Rusia tidak menghasut pemberontakan Ali Bey tersebut. Namun, perang Uthmaniyyah-Rusia (1768-1774) mendorong Ali Bey untuk berperang melawan Kerajaan Uthmaniyyah agar dapat melanjutkan cita-citanya untuk mendapatkan kemerdekaan buat Mesir dan seterusnya berkembang ke Hijaz dan Syria.

Kesimpulan

Mustafa III memerintah kerajaan Uthmaniyyah selama hampir 17 tahun dan sepanjang pemerintahannya, baginda berusaha untuk melakukan perubahan dalam tadbir urus Kerajaan Uthmaniyyah ke arah kemajuan dan kemodenan. Mustafa III mempunyai cita-cita yang tinggi seperti membina terusan bagi memudahkan pengangkutan makanan dan gandum. Walau bagaimanapun, hasratnya untuk melakukan perkara tersebut tidak tercapai. Hal ini kerana baginda meninggal dunia sebelum dapat melaksanakan perkara tersebut. Selain mempunyai cita-cita yang tinggi, Mustafa III juga sangat berjiwa patriotik. Pada masa yang sama, baginda berjaya membina beberapa bangunan tersergam termasuk masjid-masjid seperti Masjid Ayazma dan Masjid Laleli. Masjid Ayazma dibina pada tahun 1757 dan siap sepenuhnya pada tahun 1760, manakala Masjid Ayazma didedikasikan buat ibu dan abangnya yang meninggal dunia ketika Mustafa III masih remaja. Selain Masjid Ayazma, baginda turut membina sebuah lagi masjid bernama Masjid Laleli dan telah dibina pada tahun 1760. Nama Laleli diambil bersempena seorang syekh yang bernama Laleli Baba.

Mustafa III ialah seorang pemerintah berjiwa rakyat. Perkara ini dibuktikan semasa gempa bumi melanda Istanbul pada tahun 1766. Baginda bekerja keras dalam membantu mangsa yang terkesan daripada gempa bumi tersebut dengan mengeluarkan sejumlah kewangan yang besar untuk memulihkan semula bangunan-bangunan yang rosak. Di akhir pemerintahan Mustafa III, terdapat berlaku satu pemberontakan seiring dengan peperangan yang berlaku. Pemberontakan tersebut berlaku pada tahun 1768 dan melibatkan seorang pemerintah wilayah di Mesir bernama Ali Bey. Ali Bey menyatakan pengisytiharan kemerdekaan terhadap wilayah Mesir daripada wilayah jajahan Kerajaan Uthmaniyyah. Ali Bey tidak lagi mahu membayar cukai kepada kuasa pusat dan menghapuskan nama Mustafa III dalam khutbah Jumaat.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan ‘Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam: Uthmaniyyah’ menerusi Geran Universiti Penyelidikan GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Intensif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Agoston, G. & Masters, B. 2009. *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File, Inc. An Imprint of Infobase Publishing.
- Arslan, Amir Shakib. 2011. *Tarikh al-Dawlah al-'Uthmaniyyah*. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- Arslanbenzer, H. 2017. The grand, forgotten Ottoman: Grand Ragıp Pasha. <https://www.dailysabah.com/portrait/2017/06/25/the-grand-forgotten-ottoman-grand-ragip-pasha>
- Ceren K.O. 2014. Re-thinking historiography on Ottoman mosque architecture: Nineteenth century provincial sultan mosques. Tesis Dr. Fal. Middle East Technical University.
- Erşan, S. 2015. A comparative of the results of two earthquakes: Istanbul and Lisbon earthquake in 18th century. *Proceedings of the 2nd International Conference on Historic Earthquake-Resistant Timber Frames in the Mediterranean Region H.Ea.R.T. 2015*, hlm 1-10.
- Freely, J. 2011. *A History of Ottoman Architecture*. Southampton: WTS Press.
- Gulen, S. 2010. *The Ottoman Sultan Mighty Guests of The Throne*. Terj. Sahin, E. New York: Blue Dome Press.
- Haris, A.H. 2020. Sejarah kerajaan Turki Uthmaniyah dan sumbangannya dalam bidang sosiopolitik abad ke-14M hingga abad ke-20M. *Journal of Al-Tamadun* 15(1): 85-107.
- Joudah, A.H. 2013. *Revolt in Palestine in the Eighteenth Century: The Era of Shaykh Zahir al-Umar*. New Jersey: Gorgias Press.
- Kocić, M. 2015. The problem of “Albanian Nationalism” during the reign of Koca Mehmed Ragib Pasha (1757-1763) in the light of the Venetian report. *Istraživanja Journal of Historical Researchers* 26: 82-90.
- Osmanlı Padişahları: Portreleri Biyografileri Tuğralarıyla*. 2013. Ankara: Ankara Büyükşehir Belediyesi.
- Özkan, S.H. 2018. Mustafa III. Dlm. *İslam Tarihi ve Medeniyeti 13: Osmanlılar (II) Siyasi Tarihi*, hlm. 79-86. Istanbul: Siyer Yayınları.
- Persen, W. 1955. The Russian occupations of Beirut, 1772-74. *Journal of the Royal Central Asian Society* 42(3-4): 275-286.
- Unver, R. 2013. Architecture for a new age: Imperial Ottoman mosques in eighteenth-century Istanbul. Tesis Dr. Fal. Harvard University.
- Yakartepe, M.E.C. & Gökarslan, A.B. 2014. Analyzing the historical Ayazma bath within the scope of integrated preservation and specifying the criteria for reuse. *International Journal of Civil, Architectural Science and Engineering* 8(2): 41-46.
- Yaşar, A. 2018. The construction of commercial space in eighteenth-century Istanbul: The Case of Büyük Yeni Han. *Metu JFA*. 35(1): 183-200.
- Yunus, M.Y.M. 2014. Pembaharuan ketenteraan ‘Uthmaniyyah pada era pemerintahan Sultan Selim III (1789-1807M). Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.